

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 8/1982

**PERUBAHAN KADAR BAYARAN ROYALTI DAN UNIT SUKATAN
BAGI BATU KUARI**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya pada 28.7.1982 setelah menimbangkan Kertas Bil. 14/395/82 telah membuat keputusan untuk mengubah kadar bayaran royalti memindah bahan batu batan daripada Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab yang terdapat di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 Kaedah 21 Butiran 52 (a), (b), (c), (d) dan (l) dan juga meminda unit sukatan bagi batu kuari yang terdapat di Butiran 52 (1) Kaedah-Kaedah yang sama.

2. Pindaan -pindaan itu adalah sebagaimana di bawah ini :-

Menggantikan Kaedah 21 Butiran 52 (a),(b),(c),(d) dan (I) dengan yang berikut:-

	<u>State Land</u>	<u>Alienated Land</u>
"(a) earth, per cubic metre	\$2.00	\$1.50
(b) laterite, per cubic metre	\$2.00	\$1.50
(c) loam, per cubic metre	\$2.00	\$1.50
(d) clay, per cubic metre	\$2.00	\$1.50
(l) rock, stone or granite in any form, per metric ton	\$1.60	\$1.20 "

3. Dengan pindaan itu kadar bayaran royalti bagi memindah bahan batuan daripada Tanah Kerajaan atau Tanah Rizab adalah berbeza daripada tanah miliki dan unit sukatan bagi batu kuari ditukar daripada "per cubic metre" kepada "per metric ton".

4. Pindaan yang tersebut di atas adalah berkuatkuasa mulai daripada 1.9.82 dan Rang Warta Kerajaan mengenai pindaan yang tersebut telahpun dihantar kepada Jabatan Percetakan Negara untuk disiarkan dalam Warta Kerajaan, Kelantan.

5. Dengan ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki memastikan yang bayaran royalti pemindahan bahan batu batan daripada Tanah Kerajaan atau Tanah rizab dipungut mengikut kadar baru yang tersebut di para 2 di atas.

Sekian terima kasih,

Saya yang menurut perintah,
t.t
(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

BERTARIKH: 27HB. NOVEMBER, 1982

FAIL : P.T.G. (KN) SULIT BIL. 3/65/JLD. 4/(16).

KEPADA:

1. Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan
2. Semua Pegawai Pasukan Petugas,
Pejabat P.T.G. Kelantan,
Kota Bharu.

Salinan Kepada :-

1. Setiausaha Sulit
Dato' Menteri Besar,
Kelantan.
2. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan.
3. YB. Dato' Ketua Pengarah Tanah dan Galian,
Persekutuan,
Kuala Lumpur
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan.
5. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kelantan.
6. YBrs. Bendahari Negeri,
Kelantan.
7. YABrs. Ketua Cawangan Odit,
Kelantan